

Jangan mudah terpengaruh dakyah negatif

► Peringatan kepada mahasiswa bagi memastikan pengajian tidak terjejas

UB 7.4.2013 B4
LABUAN: Mahasiswa Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) diingatkan agar tidak mudah terpengaruh dan terpedaya dengan dakyah yang kurang sihat.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata tindakan mereka yang mudah terjerumus dengan kegiatan yang tidak sihat itu akan menjejaskan pengajian mereka sendiri.

Malah, katanya, ibu bapa akan kecewa dengan perbuatan sesetengah mahasiswa yang membabitkan diri dengan aktiviti yang tidak memberi manfaat kepada mereka.

Beliau berharap mahasiswa menumpukan masa tiga tahun di universiti untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang seperti mana yang mereka dan keluarga impikan sebelum memasuki Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

“Janganlah terbabit dengan aktiviti yang boleh menjejaskan masa depan sendiri serta harapan ibu bapa,” katanya, ditemui selepas mengadakan lawatan kerja ke UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), di sini,

“Mahasiswa harus menumpukan masa tiga tahun di universiti untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang seperti mana yang mereka dan keluarga impikan sebelum memasuki Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Janganlah terbabit dengan aktiviti yang boleh menjejaskan masa depan sendiri serta harapan ibu bapa.”

PROF DATUK DR MOHD HARUN ABDULLAH
Naib Canselor UMS

kelmarin.

Dr Harun mengadakan perjumpaan dengan tiga daripada lima pelajar yang terbabit dengan pengedaran risalah sehingga ditahan polis di pusat bandar Labuan pada 23 Mac lalu.

Beliau berharap pertemuan dari hati ke hati itu akan membuka lembaran baru dan minda serta pemikiran mereka agar memikirkan implikasinya terhadap universiti, keluarga dan diri sendiri.

Selepas itu, beliau menemui pemimpin Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) serta pegawai kanan UMSKAL yang diketuai Presiden MPP, Mohd Najib Rubin.

Turut hadir Pendaftar



DR MOHD Harun (tengah) memotong kek ulangtahun UMSKAL ke-14 di Rumah Kesumba.

UMS, Datuk Abdullah Mohd Said, Bendahari UMS, Rizal Othman, Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr

Ismail Ali, Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Prof Madya Dr

Syed Nasirin Syed Zainol Abidin dan Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim



DR MOHD Harun (tengah) bersama anggota Palapes Udara UMSKAL.

serta Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah.

Naib Canselor turut merasmikan Kedai Coop 1 Malaysia di Bangunan Pusat Pemajuan dan Kokurikulum Pelajar dan melawat pejabat Palapes.

Katanya, jika pelajar berhasrat hendak membabitkan diri dengan kegiatan politik, mereka boleh berbuat demikian selepas mereka menamatkan pengajian di universiti.

Beliau menambah pertemuan dengan kumpulan terbabit dan MPP ibarat perjumpaan ibu bapa dan anak yang mahu mereka menumpukan kepada pelajaran dan bukan kegiatan yang boleh menjejaskan

nama universiti.

“Kalau ada masalah atau isu-isu yang timbul di kampus, mereka boleh menghubungi saya atau Pengarah Kampus kerana setiap masalah ada jalan penyelesaiannya iaitu melalui perbincangan secara harmoni,” katanya.

Dr Harun berharap perbuatan pelajar berkenaan tidak akan berulang lagi pada masa akan datang kerana ia hanya menjejaskan nama baik UMS sahaja.

Selepas itu, beliau memotong kek sempena ulang tahun UMSKAL ke-14 di Rumah Kesumba dan menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan golf anjuran Pengarah UMSKAL sendiri.